

meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang itu bagi melahirkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran," jelasnya.

Sementara itu, untuk resolusi kluster industri dan inovasi, beliau berkata, polisi inovasi negara juga perlu diperkukuhkan secara konsisten ke arah kelestarian ekosistem inovasi tanpa sempadan yang diperluaskan di semua peringkat masyarakat sama ada di sekolah, institut pengajian tinggi, institut penyelidikan, agensi kerajaan dan industri.

Dr Mohamed Mustafa menjelaskan bahawa di bawah kluster kejuruteraan dan teknologi, negara perlu membina kecekapan dalam penggunaan tenaga, pengoperasian perkakasan, rekabentuk bangunan, perancangan bandar, infrastruktur dan pengangkutan mesra alam dan sebagainya, bagi menjayakan usaha kelestarian dan pengabdian tenaga.

Dalam pada itu, bagi resolusi sains dan matematik beliau berkata, nisbah bagi pelajar aliran sains dan bukan sains harus dikekalkan pada tahap 60:40 berbanding 20:80 pada tahun ini di samping meningkatkan usaha pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik di sekolah supaya dapat melahirkan masyarakat berfikiran intelektual.

"Dalam memastikan agenda pembangunan dan kesejahteraan tercapai ilmuan harus digalakkan memainkan peranan sebagai wahana ilmu dan muncul sebagai agen pemangkin dalam menggarap nilai sosial yang unggul dan relevan.

"Dalam konteks ini, usaha perlu dipertingkatkan lagi ke arah menjana dan memperkasakan program penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kehidupan sosial yang berupaya membekalkan data sosial yang mencukupi untuk tujuan pelaksanaan transformasi negara," jelasnya.

Dalam perkembangan yang sama, Dr Mohamed Mustafa berkata, keseluruhan sistem pendidikan hendaklah diperteguhkan dengan konteks pendidikan guru yang mantap dan sempurna bagi melahirkan guru yang kompeten, berdedikasi dan mempunyai daya tahan diri yang tinggi untuk membina warganegara unggul yang mempunyai kemahiran berfikir yang mantap, bagi menjamin negara benar-benar mencapai segala matlamat transformasi nasional.

"Akses kepada perkhidmatan kesihatan perlu dipertingkatkan secara saksama dengan memberi keutamaan kepada aspek pencegahan penyakit secara komprehensif dan berkesan.

"Untuk mencapai maksud di atas, disarankan agar usahasama dalam pendekatan perkhidmatan kesihatan dibuat secara merentas kluster dan sektor pentadbiran dalam negara agar ianya menjadi relevan," tambahnya lagi.

Menjelaskan resolusi kluster politik dan keselamatan antarabangsa, beliau berkata, negara harus berusaha melaksanakan pembangunan tanpa terlalu bergantung kepada